

Literatur tentang Atribut Pemimpin Islam dan Hubungannya dengan Prestasi Organisasi

The study of Islamic leader's attributes and the implications towards shariah compliant investment organization performance

Marlisa Abdul Rahim¹, Wan Mohd Nazdrol Wan Mohd Nasir², Nor Maizana Mat Nawi³, Nurzehan Abu Bakar⁴, Abdullah Muhamed Yusoff⁵ & Saiyida Nafisa Rosdi⁶

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
19 OKTOBER 2018	5 NOVEMBER 2018	24 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Dana Islam adalah penting dalam semua aspek perniagaan berlandaskan shariah termasuk semua industri berkaitan Islam. Pada masa kini, salah satu pilihan pelabur yang paling umum adalah pelaburan yang mematuhi peraturan shariah. Hal ini bukan sahaja memenuhi keperluan umat Islam, tetapi juga kepada pelabur-pelabur lain yang mencari pelaburan yang lebih bertanggungjawab dalam portfolio mereka. Artikel ini adalah kajian konsep bertujuan untuk mengenal pasti atribut pemimpin Islam dan untuk membincangkan implikasi atribut pemimpin Islam terhadap prestasi organisasi dalam organisasi pelaburan berlandaskan shariah di Malaysia. Artikel ini menggunakan sumber sekunder sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan yang dikaji. Kaedah kepustakaan dan rujukan atas talian internet digunakan untuk mendapatkan data sekunder yang terkini serta berkaitan. Berdasarkan analisis daripada kajian-kajian lepas, atribut pemimpin Islam dilihat sebagai perkara yang penting bagi memacu dan memajukan prestasi sesebuah organisasi. Terdapat empat atribut utama kepemimpinan ditakrifkan dalam Al-Qur'an yang terdiri daripada soleh, beretika, berperikemanusiaan dan keseimbangan. Atribut pemimpin Islam adalah merupakan di antara elemen utama dalam sesebuah organisasi pelaburan berlandaskan shariah. Hal ini penting supaya pemimpin tersebut mampu menguruskan dana serta organisasi dengan baik dan berwibawa.

Kata kunci: Atribut, pemimpin Islam, prestasi organisasi, patuh shariah

ABSTRACT

Islamic funds are essential in all aspects of shariah-compliant business including all Islamic-related industries. Currently, one of the most common investor options is investment that complies with shariah. This is not only meets the Muslim requirements, but also to other investors that seeking responsible investments in their portfolios. This article is a conceptual study aims to identify the attributes of Islamic leaders and to study the implications of the

¹ Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, marlisa@umk.edu.my

² Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, nazdrol@umk.edu.my

³ Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, maizana.mn@umk.edu.my

⁴ Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, nurzehan.ab@umk.edu.my

⁵ Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, abdullah.my@umk.edu.my

⁶ Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan, nafisa.r@umk.edu.my

Islamic leaders' attributes towards shariah compliant investment organization performance. This article discusses on secondary sources as an input of obtaining information. Library search and internet search are used to get the latest and recent data. From previous study, Islamic leaders' attributes are seen as leaders' indicators and enhance the performance of organization. There are four main attributes of leadership defined in the Qur'an that consist of righteous, ethical, humane and equilibrium. The attributes of Islamic leaders are among the key elements in a shariah investment organization. It is important to the leader to manage the organization and fund competently.

Keywords: Attributes, Islamic leaders, organization performance, shariah compliant

Pengenalan

Malaysia dan Arab Saudi kekal sebagai negara-negara utama yang menyumbang kepada bahagian pasaran terbesar industri dana Islam secara global. Pengurus-pengurus di negara seperti Arab Saudi dan Malaysia yang beragama Islam telah memegang lebih 67% daripada jumlah aset patuh *shariah* (Ernst & Young, 2016). Hal ini mengukuhkan persada potensi kewangan Islam dan dapat memenuhi kehendak pelabur yang sedia ada untuk melabur dalam pelaburan berasaskan *shariah*. Arab Saudi sendiri menyumbang 35.6% saham, dengan jumlah RM106.41 bilion aset di bawah pengurusan (209 dana Islam) pada akhir suku pertama tahun 2017. Merujuk kepada laporan Bank Negara Malaysia (2017), Malaysia mempunyai jumlah dana Islam antara paling banyak di dunia iaitu sebanyak 388 dana yang mana diuruskan dalam bentuk jumlah aset di bawah pengurusan sebanyak RM95.43 bilion. Walau bagaimanapun, dana Islam utama di Arab Saudi mempunyai bahagian yang lebih besar sebanyak 76% jumlah aset di bawah pengurusan berbanding Malaysia yang mempunyai komposisi dengan dana ekuiti menyumbang sebanyak 45% daripada jumlah aset di bawah pengurusan. Sumbangan dana Islam dari Malaysia masih rendah jika dibandingkan dengan Arab Saudi dan ia amat penting untuk dimanfaatkan di pasaran global dengan memulakan usaha untuk meningkatkan lagi pengantarabangsaan industri dana Islam.

Dana Islam adalah penting dalam semua aspek perniagaan berlandaskan *shariah* termasuk semua industri berkaitan Islam. Di peringkat global, para pelabur berminat terhadap pelaburan yang beretika seperti perniagaan yang melindungi hak asasi manusia serta menggalakkan tadbir urus korporat yang baik. Pada masa kini, salah satu pilihan pelabur yang paling umum adalah pelaburan yang mematuhi peraturan *shariah*. Hal ini bukan sahaja memenuhi keperluan umat Islam, tetapi juga kepada pelabur-pelabur lain yang mencari pelaburan yang lebih bertanggungjawab dalam portfolio mereka. Tujuan utama pelaburan patuh *shariah* adalah untuk menyediakan peluang kepada para pelabur yang peka terhadap keperluan *shariah* dalam pelaburan mereka. Pelaburan yang patuh syariah harus bebas daripada kegiatan yang dilarang oleh Islam seperti *riba*, judi (*maisir*) dan ketidaktentuan (*gharar*). Pelabur-pelabur juga harus mengecualikan pelaburan mereka dalam syarikat atau sektor yang terlibat terutamanya dalam aktiviti yang tidak patuh *shariah* seperti produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan perbankan dan insurans konvensional, perjudian, minuman beralkohol serta produk makanan yang tidak halal. Oleh itu, peranan pemimpin Islam adalah sangat diperlukan. Pemimpin Islam harus membimbing sesebuah organisasi ke arah pencapaian matlamat bersama, dan mewujudkan satu sistem di mana terdapat kepuasan, atau *alfalah* untuk semua orang.

Oleh kerana peningkatan persaingan dan keperluan patuh syariah yang membolehkan sesebuah organisasi pelaburan kekal berdaya saing, maka beberapa kajian telah dijalankan untuk melihat prestasi organisasi dari segi faktor individu (Saad, 2012; Yazid et al., 2012) dan struktur organisasi (Rahman dan Buraey, 2009). Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak bidang penyelidikan yang masih belum diterokai seperti atribut kepimpinan Islam yang mungkin mempengaruhi prestasi organisasi pelaburan yang mematuhi Syariah di Malaysia. Justeru itu, artikel ini merupakan kertas konsep yang bertujuan untuk mengenal pasti atribut pemimpin Islam dan mengkaji implikasi atribut kepimpinan pemimpin Islam terhadap prestasi organisasi dalam organisasi pelaburan berlandaskan *syariah* Malaysia.

Kaedah Penyelidikan


Artikel ini membincangkan tentang atribut pemimpin Islam serta implikasinya terhadap prestasi organisasi. Sumber yang digunakan adalah sumber sekunder sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat. Sumber sekunder yang dirujuk terdiri daripada kajian yang telah dijalankan di tempat lain oleh penyelidik-penyelidik tentang isu yang sama serta beberapa bahan sokongan lain seperti data daripada Bank Negara Malaysia yang dapat membantu hasil kajian. Sumber sekunder diperoleh daripada bahan-bahan data berangka terbitan jabatan-jabatan kerajaan dan pihak yang berautoriti (Mohd Nizar et al., 2016).

Kaedah kepustakaan dan rujukan atas talian internet seperti *Google Scholar*, *Microsoft Academic Search*, *iSeek* dan *Academic Info* turut digunakan untuk mendapatkan data sekunder yang terkini serta berkaitan. Kaedah kepustakaan merupakan salah satu kaedah yang akan digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data sekunder. Dalam kajian ini, maklumat-maklumat sekunder diperoleh daripada penyelidikan di perpustakaan seperti laporan, kertas kerja, artikel, buku prosiding, buku rujukan ilmiah, jurnal akhbar-akhbar tempatan dan maklumat daripada agensi-agensi yang berkaitan dengan organisasi patuh *syariah*.

Teori Kepimpinan Islam

Pemikiran Islam awal telah menyumbang dengan ketara kepada bidang kepimpinan. Institusi kepimpinan Islam terdahulu adalah berfokus kepada khalifah. Dari kewafatan Nabi Muhammad (SAW) pada tahun 632 hingga 1924, terdapat sekurang-kurangnya teori yang dirujuk kepada *khalifah* (Sonn, 2009). Nabi Muhammad (SAW) dianggap sebagai individu adil dan sumber wahyu Ilahi. Merujuk kepada Rajah 1, Nabi Muhammad (SAW) diperintahkan membuat keputusan mengenai isu-isu praktikal dengan perundingan (*shura*) bersama ahli-ahli masyarakat untuk mencapai kesepakatan. Setelah itu, berikanlah kepercayaan kepada Allah (SWT) untuk memberikan kemenangan dan penguasaan dan Allah (SWT) mengasihi mereka yang mempercayai Dia (Al-Imran, 3: 159).

Rajah 1: Model Kepimpinan Islam berdasarkan Al-Qur'an (Surah Al-Imran 3:159)



Dalam idea kontemporari Teori Kepimpinan Islam, terdapat beberapa perbahasan yang bertujuan untuk memperincikan ciri-ciri Teori Kepimpinan Islam. Merujuk kepada Abdul-Athim (1994), nilai dan moral adalah elemen asas dalam Teori Kepimpinan Islam. Di samping itu, Abu Sin (1986) juga menyatakan ciri-ciri utama Teori Kepimpinan Islam seperti berikut:

- i. Ia berkaitan dengan falsafah sosial masyarakat Islam, etika, dan nilai-nilai,
- ii. Ia menekankan pemboleh ubah ekonomi yang berfungsi untuk memenuhi keperluan individu,
- iii. Ia juga memberi pertimbangan kepada elemen jasmani dan rohani. Ia menghormati individu sebagai manusia dan menggabungkan dalam proses pentadbiran,
- iv. Ia juga perlu memberi tumpuan kepada pengurangan tugas di organisasi yang terdiri daripada spesifikasi tanggungjawab, penghormatan kepada pihak berkuasa, hubungan rasmi dan struktur organisasi.

Merujuk kepada Sunan Abu Dawud (Buku 2, Bil. 2273), Nabi Muhammad S.A.W bersabda bahawa jika terdapat tiga orang di dalam suatu perjalanan, maka, salah seorang daripada mereka perlu dilantik sebagai ketua. Sebagai contoh, dapat dilihat apabila Nabi Muhammad (SAW) menghantar penghijrahan pertama ke Abyssinia (Ethiopia) semasa penganiayaan kaum Quraisy dan baginda meletakkan Ja'far ibnu Abi Talib sebagai pemimpin atau ketua kumpulan. Ja'far ibnu Abi Talib merupakan seorang yang dikenali sebagai jurucakap bagi umat Islam yang berjaya mempertahankan para pendatang di Istana Raja Negus melawan kaum Quraisy yang telah memaksa mereka kembali ke Makkah. Kualiti dalam ucapan dan komunikasi beliau sangat jelas semasa pertemuan itu (Khan, 2012). Oleh yang demikian, hal tersebut menunjukkan bahawa kepemimpinan adalah elemen penting dalam organisasi komuniti Islam serta elemen penting dalam undang-undang.

Literatur sedia ada dalam bidang ini menekankan bahawa kepemimpinan dari perspektif Islam dianggap sebagai tanggungjawab dan kepercayaan serta tidak dapat dicari. Sudut pandangan ini disokong dan merujuk kepada hadith yang disebut dalam Sahih Muslim (Buku 3, Bil. 1013) menyatakan bahawa “jangan meminta kedudukan atau kuasa, kerana jika anda diberikan kedudukan sebagai hasil dari meminta, anda akan ditinggalkan sendirian dan jika anda diberikannya tanpa membuat permintaan untuknya, anda akan dibantu”. Yang mana bantuan tersebut adalah melalui Allah (SWT).

Teori Kepimpinan Islam menunjukkan bahawa atribut pemimpin Islam yang berlandaskan *shariah* dapat mempengaruhi sikap pengikut dan membawa kepuasan, motivasi, prestasi, tenaga positif, dan kesetiaan organisasi (Abed, 2005). Ia juga akan menghasilkan komitmen dan tenaga baharu yang membina sebahagian daripada jati diri pemimpin. Walau bagaimanapun, untuk memelihara kepimpinan Islam dan matlamat organisasi, pemimpin adalah dinasihatkan untuk mendapatkan sokongan daripada pihak berkepentingan, pengikut dan pada masa yang sama mematuhi sepenuhnya ajaran Islam.

Kajian lepas tentang Atribut Pemimpin Islam

Kepimpinan Islam merujuk kepada kontrak psikologi antara seorang pemimpin dengan pengikutnya dan dia akan berusaha sebaik mungkin untuk membimbing serta melindungi pengikutnya dengan cara yang baik (Beekun & Badawi, 1999). Di samping itu, Shah (2006) mendefinisikan kepimpinan Islam sebagai hubungan yang kuat dalam membentuk keadilan melalui perkataan dan perbuatan yang menunjukkan pengetahuan seorang pemimpin tersebut serta pengikutnya melihat pemimpin tersebut sebagai individu yang boleh diteladani secara holistik. Tanpa pemimpin, pentadbiran negara dan agama tidak dapat berjalan dengan sempurna. Secara amnya, kepimpinan Islam adalah proses memajukan satu kumpulan yang terdiri daripada ketua dan pengikut-pengikutnya untuk memenuhi keperluan Islam dalam jangka panjang atau pendek demi mencapai misi organisasi.

Terdapat empat atribut utama kepemimpinan ditakrifkan dalam Al-Qur'an yang terdiri daripada soleh, beretika, berperikemanusiaan dan keseimbangan. Mohsen (2007) menjelaskan bahawa seseorang itu perlu menjadi soleh kerana dia diberi kepercayaan memerintah daripada Allah (SWT) dan pengakhirannya juga kepada Allah (SWT). Seorang pemimpin perlu mempunyai etika kerana atribut etika ini menjadi teras sistem pemerintahan tanpa mempedulikan keuntungan yang berteraskan wang. Tumpuan utama pemimpin adalah untuk melakukan perbuatan baik hanya untuk mendapatkan keredhaan Allah (SWT). (Beekun & Badawi, 1999).

Atribut kepemimpinan Islam didefinisikan sebagai ciri-ciri Islam utama yang terdiri dari penyerahan kepada Allah (SWT), mematuhi *shariah* dan mempunyai sikap positif dari aspek kesedaran, peraturan dan perkembangan sendiri. Atribut pemimpin Islam merujuk kepada kualiti kepimpinan Islam dalam menganjurkan, memberi panduan dan mempengaruhi orang lain untuk mencapai matlamat serta bersaing untuk mendahului orang lain dalam mencari keredaan Allah di dunia dan akhirat (Yunus, 2008). Umum telah menerima bahawa atribut positif pemimpin merupakan sifat yang bermanfaat bagi setiap pemimpin Islam dan juga pemimpin bukan Islam (Rashid & Mamat, 2013). Aplikasi dan pemahaman atribut ini akan membuka pintu kepada kejayaan dan pembangunan manusia sejagat. Dalam kajian kes di Yayasan Wakaf Universiti Islam Indonesia, para penyelidik mendapati bahawa penyerahan diri kepada Allah dan mematuhi keperluan *shariah* perlu dipenuhi oleh para pemimpin untuk meningkatkan prestasi organisasi (Lannai, Sudarma, Irianto & Ludigdo, 2014).

Kajian konsep tentang atribut dan keperluan kepimpinan Islam turut dikaji oleh Marbun (2013) dan mendapati bahawa terdapat 10 atribut penting yang dijelaskan melalui kajian lepas iaitu niat, takwa, ihsan, adil, kepercayaan, benar, ikhlas, berbincang, sabar dan kemajuan diri. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa wujud korelasi di antara atribut dan

keperluan konvensional serta kepimpinan Islam. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, pembentukan atribut pemimpin adalah penting dan diperlukan dalam kepimpinan Islam. Walau bagaimanapun, Muhammad Yousaf (2015) menyatakan hanya terdapat tiga atribut diperlukan dalam seorang pemimpin Islam iaitu ciri-ciri pemimpin, kerjasama berpasukan, kecekapan mengurus dan kebijaksanaan. Sekiranya seorang pemimpin mempunyai ketiga-tiga atribut ini, individu tersebut dikelaskan sebagai pemimpin yang efektif.

Kejayaan seseorang pemimpin Islam banyak bergantung kepada personaliti individu tersebut. Kajian yang dijalankan tentang perspektif pemimpin Islam serta memfokuskan terhadap model peranan CEO pada masa kini oleh Muhammad Yousaf (2015) menekankan bahawa atribut pemimpin adalah kunci kepada kejayaan sesebuah organisasi. Pemimpin yang baik mampu memacu pengikut atau pekerja dengan lebih maju dalam mencapai visi demi memenuhi aspirasi organisasi. Pemimpin yang sebenar mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berkeyakinan tinggi, amanah, cekap, berintegriti, dinamik, mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan, mempunyai sifat belas kasihan, rendah diri, bersederhana, bersemangat, menjadi harapan kepada pekerja, dapat menunaikan janji, berpandangan jauh, mampu menyelesaikan masalah, penilai yang baik, berpengaruh, pengurus yang cemerlang dan sebagainya.

Walaupun pembangunan dan kehebatan para pemimpin Islam dibincangkan secara meluas dalam kajian terdahulu, masih terdapat limitasi kajian empirikal tentang atribut pemimpin Islam di Malaysia khususnya. Dari segi pemimpin Islam, Mohsen (2007) mengkaji kepimpinan dari aspek Al-Qur'an yang ditekankan kepada elemen takwa, kerohanian serta tanggungjawab sebagai pemboleh ubah bebas, yang mempunyai kesan positif terhadap keberkesanan kepimpinan dalam perniagaan. Ahmad dan Ogunsola (2011) pula mendapati bahawa prinsip kepimpinan Islam adalah elemen penting untuk menjadi pemimpin Islam yang baik. Seterusnya, Safi (1995) menjelaskan bahawa para pemimpin Islam harus mempunyai sifat seperti sabar, berpengetahuan, fasih (keupayaan untuk mengartikulasikan idea dan pandangan dengan kejelasan dan kefasihan) dan keyakinan (yakin) untuk menjadi pemimpin yang disanjung. Hakim (2012) turut mendedahkan bahawa terdapat hubungan positif antara kepimpinan Islam dan prestasi kerja dalam industri bank. Dari pemerhatian kajian terdahulu, ia menunjukkan bahawa wujud penyelidikan yang terhad di antara atribut kepimpinan Islam dan prestasi organisasi pelaburan yang mematuhi syariah dalam konteks Malaysia. Oleh itu, kajian mendalam tentang atribut pemimpin Islam untuk meningkatkan prestasi organisasi pelaburan syariah di Malaysia adalah sangat signifikan untuk diberi tumpuan.

Wacana Hubungan di antara Atribut Pemimpin Islam dan Prestasi Organisasi

Melalui sudut pandang Islam, prestasi dapat dilihat dari pandangan yang lebih luas dalam merangsang individu untuk melakukan perkara yang memberi pulangan tinggi dan bermanfaat kepada organisasi keseluruhannya. Dari perspektif pengurusan, Abbasi (2008) menilai prestasi sebagai kemahiran (ihsan) yang bermaksud melakukan pekerjaan yang baik atau melakukan tugas dengan cara yang cekap. Sekiranya pekerja dalam sesebuah organisasi menunjukkan kecekapan yang baik dalam prestasi mereka, ia akan meningkatkan bukan sahaja keuntungan pemegang saham, tetapi juga nilai keseluruhan organisasi. Seterusnya, Alhabshi dan Ghazali (1994) menilai prestasi dari sudut kemahiran. Kemahiran di sini bermaksud kecekapan yang merujuk kepada produktiviti barangan dan perkhidmatan dapat

dihasilkan dengan skala besar. Kemahiran adalah satu ciri yang digambarkan bahawa setiap ahli organisasi akan melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik. Akibatnya, pihak berkepentingan dalam organisasi akan dapat memenuhi kehendak mereka.


Dalam satu kertas konsep yang menerangkan tentang kualiti pemimpin Islam dan prestasi organisasi di kalangan industri Takaful di Malaysia menjelaskan bahawa pemimpin Islam akan membawa sesebuah organisasi ke arah yang lebih baik demi memenuhi matlamatnya (Wan Daud, Rahim & Nasurdin, 2014). Tambahan pula, dengan peningkatan prestasi organisasi, ia akan memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan motivasi pekerja untuk melaksanakan tanggungjawab yang lebih baik pada masa akan datang. Prestasi organisasi dapat ditingkatkan dengan merangsang mutu kepemimpinan Islam. Ia memberi idea untuk pengurusan bahawa kualiti kepemimpinan Islam bertindak sebagai alat dalam membantu organisasi untuk terus berinteraksi dengan pihak berkepentingan, mewujudkan perkongsian yang baru dan kukuh, mengenal pasti peluang masa depan dan membangunkan keupayaan untuk meningkatkan prestasi organisasi.

Dalam satu lagi kajian kepimpinan Islam dan prestasi pengurusan oleh Majeed, Khalid & Khan (2011), didapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara komponen kepimpinan Islam (nilai, etika dan pengurusan melalui teladan) dan prestasi organisasi. Kesemua dimensi memberikan kesan positif kepada prestasi organisasi. Secara umumnya, organisasi dapat meningkatkan prestasi mereka dengan mempunyai peranan yang baik yang mengikuti sifat-sifat utama Islam untuk mendapatkan rahmat Allah (SWT). Ia mendapati bahawa amalan kepemimpinan Islam memberikan pengaruh penting dalam prestasi pengurusan (Abbasi, 2008).

Kajian empirikal tentang kualiti pemimpin Islam terhadap prestasi organisasi yang dijalankan dalam enam kajian kes tentang pengendali Takaful di Malaysia mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara kualiti pemimpin Islam dengan prestasi Takaful (Wan Daud et al., 2014). *Aqidah*, prinsip dan nilai kepimpinan Islam adalah pemboleh ubah penting yang menyokong kualiti kepimpinan Islam yang kuat dalam menghasilkan akhlak pemimpin yang baik. Penyesuaian kepimpinan Islam bukan sahaja mempengaruhi prestasi organisasi, tetapi juga membawa *barakah* kepada organisasi.

Berdasarkan analisis daripada kajian-kajian yang lepas, ramai penyelidik berpendapat bahawa atribut pemimpin Islam adalah penting bagi memacu dan memajukan prestasi sesebuah organisasi (Marbun, 2013; Muhammad Yousaf, 2015; Rashid & Mamat, 2013). Daripada kajian literatur yang dijalankan, Rajah 2 menunjukkan rumusan berkaitan perkara-perkara tentang atribut pemimpin Islam. Elemen-elemen yang menjadi teras dan keperluan seorang pemimpin Islam merangkumi kesesuaian berunding, nilai yang baik, moral, etika, fasih dan jelas dalam berkomunikasi, sikap positif dari aspek kesedaran, peraturan dan perkembangan sendiri, mematuhi keperluan *shariah* dalam organisasi, niat yang murni, bertakwa, *ihsan*, adil, dipercayai, benar, ikhlas, sabar, kemajuan diri, kerjasama berpasukan, kecekapan mengurus, kebijaksanaan, berkeyakinan tinggi, amanah, cekap, berintegriti, dinamik, mempunyai sifat belas kasihan, rendah diri, sederhana, bersemangat, menjadi harapan kepada pekerja, dapat menunaikan janji, berpandangan jauh, mampu menyelesaikan masalah, penilai yang baik, berpengaruh serta seorang pengurus yang cemerlang. Hasil kajian ini disokong oleh Rahim et al. (2014) dan Beekun (2012). Penyelidik-penyelidik yang terdahulu mengesahkan bahawa atribut kepimpinan Islam adalah penting dan praktikal untuk diamalkan oleh pemimpin Islam yang baik.

Rajah 2: Hubungan di antara Atribut Pemimpin Islam dan Prestasi Organisasi



Elemen teras pemimpin Islam perlu ditambah baik dengan pemboleh ubah pengantara yang baik demi mencapai misi dan visi organisasi. Berdasarkan kajian lepas, pemboleh ubah pengantara yang wujud di antara pemimpin Islam dan peningkatan prestasi sebuah organisasi adalah mempunyai pekerja yang mampu memberi komitmen tinggi dan pekerja yang memberi tenaga positif dalam organisasi. Maklumat yang dikumpulkan menunjukkan bahawa komitmen dan tenaga positif adalah pendekatan perniagaan yang baik untuk meningkatkan produktiviti pekerja (Aabed, 2005).

Gabungan antara elemen teras pemimpin dan pemboleh ubah pengantara ini akan menghasilkan pekerja yang bermotivasi tinggi, tahap kepuasan kerja yang memuaskan, kesetiaan kepada organisasi, peningkatan produktiviti dalam organisasi serta peningkatan keuntungan. Seterusnya, hasil daripada hubungan pemimpin Islam dan prestasi organisasi adalah semata-mata mendapat keberkatan Allah (SWT). Kajian-kajian lepas yang

menunjukkan bahawa atribut pemimpin Islam akan mempengaruhi prestasi organisasi adalah berasas dan hal ini disokong oleh Wan Daud et al. (2014), Rahman et al. (2014), Hakim (2012), Majeed et al. (2011) dan Abbasi (2008). Justeru itu, implementasi atribut pemimpin Islam dalam organisasi yang berlandaskan *shariah* harus dipertimbangkan dan diamalkan oleh setiap pemimpin demi mencapai matlamat organisasi dan kesejahteraan ummah.

Kesimpulan

Hasil kajian ini diharapkan dapat menunjukkan secara positif pentingnya atribut kepimpinan Islam terhadap prestasi organisasi dalam organisasi pelaburan berlandaskan *shariah*. Pemimpin sejati mestilah seorang yang mempunyai ciri-ciri yang dapat menunjukkan diri mereka sebagai seorang yang boleh dicontohi kepada pengikutnya. Atribut seperti mempunyai nilai, moral, etika, fasih dan jelas dalam berkomunikasi, bersikap positif dari aspek kesedaran, peraturan dan perkembangan sendiri, mematuhi keperluan *shariah* dalam organisasi, bertakwa, ihsan, adil, dipercayai, benar, ikhlas, sentiasa berbincang, sabar, bekerjasama dalam pasukan, cekap mengurus, bijaksana, berkeyakinan tinggi, amanah, cekap, berintegriti, dinamik, mempunyai sifat belas kasihan, rendah diri, sederhana, bersemangat, menjadi harapan kepada pekerja, dapat menunaikan janji, berpandangan jauh, mampu menyelesaikan masalah, penilai yang baik, berpengaruh dan menjadi pengurus yang cemerlang merupakan atribut penting yang perlu ada dalam keperibadian sebagai pemimpin organisasi. Ia adalah penting dalam sesebuah organisasi pelaburan yang berlandaskan *shariah* untuk mempunyai pemimpin Islam yang baik dan mampu menguruskan dana kerana ia tidak boleh melabur dalam mana-mana perniagaan yang terlibat dengan barangan tidak halal seperti alkohol, tembakau, makanan tidak halal, industri hiburan, perjudian, senjata, bank konvensional dan syarikat insurans konvensional. Organisasi pelaburan yang mengikut *shariah* menggalakkan model perniagaan berdasarkan *shariah* seperti pelancongan halal dan hospitaliti yang mematuhi kehendak agama Islam. Oleh itu, para pemimpin yang mempunyai sifat kepimpinan Islam akan menyumbang kepada pertumbuhan industri halal yang luar biasa.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana telah menyediakan Skim Geran Jangka Pendek-SGJP (R/SGJP/A11.00/01654A/001/2018/000463) untuk penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada ahli-ahli penyelidik dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana membantu dalam menyiapkan kajian konsep ini.

Rujukan

- Aabed, A. (2005). *A study of Islamic Leadership Theory and practice in K-12 Islamic schools in Michigan*. (PhD Thesis), Brigham Young University.
- Abbasi, A. S. (2008). *Role of Islamic leadership in value based corporate management*. (PhD Thesis), National University of Modern Language, Islamabad.

- Abdul-Athim, M. (1994). *Usul Al-Fikr Al-Idari Fi Al-Islam, [Fundamentals of Administrative Thought in Islam]*. Cairo: Maktaba Wahbah.
- Abu Sin, A. I. (1986). *Al-Idarah Fil-Islam, [Administration in Islam]*. Dubai: Al-Ashiyah.
- Ahmad, K., & Ogunsola, O. K. (2011). An empirical assessment of Islamic leadership principles. *International Journal of Commerce and Management*, 21(3), 291-318.
- Alhabshi, S. O., & Ghazali, A. H. (1994). *Islamic values and management*. Selangor: Institute of Islamic Understanding Malaysia.
- Al-Quran Al-Karim.
- Bank Negara Malaysia. (2017). *Islamic funds: Gearing up*. Malaysia: MIFC.
- Beekun, R. (2012). Character centered leadership: Muhammad (p) as an ethical role model for CEOs. *Journal of Management Development*, 31(10), 1003-1020.
- Beekun, R., & Badawi, J. (1999). *The leadership process in Islam*. Beltsville, MD: Amana Publications.
- Ernst & Young. (2016). *World Islamic Banking Competitiveness Report 2016*. Kuala Lumpur: EYGM Limited.
- Hakim, A. (2012). The implementation of Islamic leadership and Islamic organizational culture and its influence on Islamic working motivation and Islamic performance PT Bank Mu'amalat Indonesia Tbk. employee in the Central Java. *Asia Pacific Management Review*, 17(1), 77-90.
- Khan, A. (2012). Islamic Leadership Principles: A Success Model for Everyone And All Times. Diambil pada 13 Februari 2015, daripada http://www.irfi.org/articles/articles_1401_1450/islamic_leadership_principles.htm
- Lannai, D., Sudarma, M., Irianto, G., & Ludigdo, U. (2014). Phenomenology Study About Performance Meaning at Indonesia Foundation (Case Studies At Wakaf Foundation Of Indonesian Muslim University). *International Journal of Business and Management Invention*, 3(5), 8-16.
- Majeed, Y., Khalid, Z., & Khan, M. A. (2011). The impact of Islamic leadership on organizational objectives. *Far East Journal of Marketing and Management*, 1(1), 54-65.
- Marbun, D. S. (2013). Attributions and requirements of Islamic leadership. *Management Research Review*, 36(4), 379-387. doi: <http://dx.doi.org/10.1108/01409171311314987>
- Mohd Nizar, S., Mohd Fuad, M. J., Junaidi, A. B., & Marlisa, A. R. (2016). *Pendekatan tingkah laku pengundian dalam pilihan raya Malaysia: Kajian konsep*. Paper presented at the Social Science Postgraduate International Seminar (SSPIS 2016), 15 December, 2016, Universiti Sains Malaysia.

- Mohsen, N. R. M. (2007). *Leadership from the Qur'an relationship between taqwa, trust and business leadership effectiveness*. (PhD Thesis), Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Yousaf, J. (2015). Islamic Perspective of Leadership: A Role Model for Today's CEOs. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 5(2), 24-45.
- Rahim, et al. (2014). Developing a Model of Islamic Leadership Quality Using Multiple Case Studies for Takaful Performance. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(24), 67-75.
- Rahman, M., Banna, H., Ali, M. A., & Rahman, M. S. (2014). Analysis of quality leadership in reviving economies and politics in Muslim countries. *Business and Economic Research*, 4(1), 135-148.
- Rahman, M., & Buraey, M. A. (2009). An Islamic perspective of organizational controls and performance evaluation. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 499-514.
- Rashid, A. A., & Mamat, A. (2013). Educational view of the Islamic leadership: Are the Islamic leaders performing their responsibilities? *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(3), 178-185.
- Saad, N. M. (2012). An analysis on the efficiency of Takaful and insurance companies in Malaysia: A non-parametric approach. *Review of Integrative Business Economy Research*, 1(1), 33-56.
- Safi, L. (1995). Leadership and subordination: An Islamic perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 12(2), 204-223.
- Sahih Muslim.
- Shah, S. (2006). Leading Multiethnic Schools: a new understanding of Muslim Youth Identity. *Journal of Educational Management, Administration and Leadership*, 34(2), 215-237.
- Sonn, T. (2009). Political authority in classical Islamic thought. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 13(3), 309-324.
- Sunan Abu Dawud.
- Wan Daud, W. N., Rahim, M. A., & Nasurdin, A. M. (2014). Quality of Islamic Leadership and Organizational Performance within the Takaful Industry in Malaysia: A Conceptual Study. *Asian Social Science*, 10(21), 135-144.
- Yazid, A. S., Arifin, J., Hussin, M. R., & Daud, W. N. W. (2012). Determinants of Family Takaful (Islamic Life Insurance) Demand: A Conceptual Framework for a Malaysian Study. *International Journal of Business and Management*, 7(6), 115-127. doi: <http://dx.doi.org/10.5539/ijbm.v7n6p115>

Yunus, M. (2008). Leadership in Islam. Diambil pada 7 October 2013, daripada <http://www.slideshare.net/DrYunus/leadership-in-islam>